

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, November 15, 2019 10:33 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Maybank Dan Astro AWANI Pilihan UUM Corporate Comm. Untuk Peningkatan Tadbir Urus Terbaik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 NOVEMBER 2019 / 18 RABIULAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Umi Kalsum Othman

MAYBANK DAN ASTRO AWANI PILIHAN UUM CORPORATE COMM. UNTUK PENINGKATAN TADBIR URUS TERBAIK



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Delegasi UUM Corporate Communication (UUM Corporate Comm.) yang disertai tujuh staf telah mengadakan lawatan kerja Jalinan Korporat ke Malayan Banking Berhad (Maybank) dan Astro AWANI, baru-baru ini bagi mempelajari dan mengetahui tadbir urus terbaik dalam usaha UUM Corporate Comm. menambahbaik sistem penyampaian.

Kunjungan pertama UUM Corporate Comm. ke Maybank telah disambut Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat, Prakash Mukherjee.

Beliau telah memberikan penerangan secara keseluruhan tentang operasi jabatan tersebut dengan dibantu ketua-ketua seksyen yang mana masing-masing berkongsi tanggungjawab yang dipikul mengikut konsep '*Humanising Financial Services*' atau 'Menginsankan

Perkhidmatan Kewangan' dari aspek pengurusan acara, penyediaan makanan dan minuman (F&B), polisi, strategi dan media.

Prakash juga berkongsi pengalaman mereka dalam membangunkan jenama Maybank yang bukan sahaja berorientasikan keuntungan, malah turut diimbangi dengan amalan kebajikan kepada masyarakat.

Dalam lawatan selama dua jam itu, antara amalan terbaik yang diperoleh UUM Corporate Comm. ialah amalan konsep mesra pelanggan dalam yang diterapkan dalam kalangan warga Maybank dan penggunaan kepelbagaian atau kreativiti dalam setiap reka bentuk dari aspek warna dan pengisian bagi tujuan promosi (tidak terikat pada warna korporat sahaja).

Maybank juga mengutamakan kebajikan dengan penganjuran aktiviti atau program berbentuk CSR dengan membantu masyarakat terutama dalam meningkatkan taraf hidup dengan mengambil langkah lebih proaktif untuk membantu peniaga menerusi pelbagai perspektif termasuk daripada aspek kewangan dan bukan kewangan.

Lawatan kerja Jalinan Korporat UUM Corporate Comm. juga berkesempatan mengunjungi pejabat operasi Astro AWANI yang mana kedatangan delegasi disambut Timbalan Ketua Pengarang dan Penyampai Pakar Hal Ehwal Semasa, Kamarul Bahrin Haron; Wartawan dan Penyampai berita, Ashwad Ismail dan Penolong Naib Presiden Kanan, Digital dan Niche Market, Hafidah Samat.

Pada lawatan itu, Kamarul Bahrin memberi penerangan ringkas tentang kepentingan jalinan kerjasama antara institusi pendidikan dengan media demi memanfaatkan rakyat.

Antara input yang diperoleh delegasi UUM Corporate Comm. adalah universiti perlu mengetengahkan kajian-kajian berimpak tinggi oleh ahli akademik yang dapat membantu memanfaatkan penduduk setempat atau negara, selain menghasilkan berita yang dapat membantu dalam pembangunan ekonomi negeri Kedah dan UUM.

Kedatangan delegasi UUM Corporate Comm. ke Astro AWANI juga turut disambut Editor Hal Ehwal Semasa Astro AWANI, Nazri Kahar dan Penyampai, Editor dan Penerbit, Rizal Zulkapli.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.